

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 15 Tahun 2022

TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjemput staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:

- Disahkan ke dalam perkhidmatan.
- Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan.
- Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan / Jabatan.

3. Selain itu, seseorang pegawai yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat juga perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Bebas dari hukuman tatatertib / jenayah.
- Telah menandatangani Surat Aku Janji.
- Telah mengisytiharkan harta.

4. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Jawatan	Bendahari		
Gred Jawatan	VU7		
Kekosongan	1		
Syarat Kelayakan	Ketua Timbalan Bendahari Gred W54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Bendahari Gred VU7 yang kosong apabila telah: ▪ mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan ▪ diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.		
Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)	Gred Gaji VU7		
	Minimum	Maksimum	Kadar KGT
	RM7,676.00	RM20,592.00	9%

PELAKSANAAN

5. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- 5.1 Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
- 5.2 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada Urusetia Jawatankuasa kenaikan pangkat sebelum tarikh tutup permohonan:

Bil.	Dokumen / Perkara	Jumlah Salinan Yang Diperlukan
1.	Folio Peribadi yang lengkap (Boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat).	1 Salinan
2.	Salinan sijil akademik terkini (jika ada) yang telah disahkan benar daripada salinan asal.	1 Salinan

Nota: Salinan sijil-sijil penghargaan / latihan / lantikan Jawatankuasa / lain-lain berkaitan **TIDAK** perlu disertakan. Salinan sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temu bual.

- 5.3 Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- 5.4 Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 5.5 Pemohon akan dipanggil untuk sesi temu bual sebelum perakuan oleh Majlis Sumber Manusia (MSM) dan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 5.6 Tarikh tutup permohonan adalah pada 21 Disember 2022.
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)
- 5.7 Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Bahagian Kemajuan Kerjaya
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR


TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 07 Disember 2022.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **07 Disember 2022**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(PROFESOR DATUK Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR)
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-BPD (PT.6/3)

No. Siri : 100-UiTM (NC/2) 15/2022